

## TENTANG KAMI

Warees Investments Pte Ltd merupakan syarikat pengurusan aset endowmen terulung di rantau ini dan bertanggungjawab bagi pembangunan hartanah komersil dan perumahan perdana serta pemuliharaan budaya dan warisan. Sebagai sebuah syarikat pemegangan pelaburan, Warees berkembang maju mengurus endowmen dan portfolio hartanah institusi, dan beberapa anak syarikat di samping melindungi dan mencipta nilai untuk masyarakat serta golongan penerima manfaat sosial.

Dimiliki sepenuhnya oleh Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), ciri-ciri rangka kerja berkekalannya ialah strategi portfolio endowmen yang bersepadu dan rancak, didorong visinya iaitu, 'Aset yang Berkekalan. Memupuk Generasi.'

Sepanjang beberapa tahun lalu, Warees telah muncul sebagai sebuah firma hartanah yang dipercayai di rantau ini menerusi rekod pencapaian dalam pembangunan hartanah serta khidmat khusus dalam pengurusan pelaburan endowmen. Dengan setiap projek baru, Warees terus menetapkan piawaian baik bukan sahaja di Singapura, tetapi juga menerusi pembinaan keupayaan dan kerjasama serantau.

Warees merupakan singkatan bagi WAKaf REal Estate, atau Hartanah Wakaf. Waris, dalam bahasa Melayu bermakna 'warisan' dan 'penerima', dan kededua istilah berkait rapat dengan pengurusan hartanah wakaf.

Logo memiliki reka bentuk huruf 'W' dan membawa simbol sebuah pancutan air dan sebatang pohon. Pancutan air yang menyembur air keluar dan air yang mengalir masuk mencerminkan pemberian dan penerimaan, manakala pohon pula melambangkan pertumbuhan, kekuatan, perlindungan dan alam semula jadi. Kotak empat segi melambangkan asas yang kuat dan kukuh.

## KEUPAYAAN UTAMA WAREES



Hari ini, Warees bukan sahaja sebuah syarikat pengurusan endowmen atau portfolio wakaf, tetapi kami juga mengurus hartanah masyarakat. Kekuatan kami terletak pada keupayaan untuk menjana semula dan meningkatkan aset menerusi Skim Peningkatan Wakaf (WRS). Di bawah skim ini, kami meluaskan potensi nilai aset-aset kita, misalnya menjadikan kaedah pelaburan hartanah secara inovatif sebagai satu produk dalam bentuk menghidupkan semula mercu tanda Katong – The Red House. Kami juga telah memulakan sebuah instrumen kewangan yang baru, Inisiatif Pelaburan Institusi (3I), sebuah rangka tindakan pembentukan aset dan peningkatan wakaf yang akan diadakan dalam kesemua projek WRS. Menerusi usaha bersama ini, kami membantu mengekalkan warisan masyarakat, mencipta hasil pulangan bagi institusi, dan pada masa sama memastikan aset-aset kita dapat dikekalkan untuk generasi akan datang.

## SUBSIDIARI

Unit-unit utama Warees Investments Pte Ltd ialah Warees Halal Limited, Wareesan Management Pte Ltd dan Warees Land Pte Ltd. Syarikat pembangunan sekunder (secondary developments) kami, WRH Pte Ltd dan WHA Heritage Pte Ltd, merupakan entiti di bawah Warees Group.

### **Wareesan Management Pte Ltd**

Wareesan Management merupakan anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Warees Investments. Tugas utamanya ialah menyediakan khidmat pengurusan penggalian dan penanaman semula pusara bagi masyarakat. Objektif utamanya ialah mengurus pengoptimuman tanah dan menyediakan sokongan nasihat kepada para waris.

### **Warees Halal Limited**

Warees Investments merupakan anggota Warees Halal Limited, sebuah syarikat berhad dengan jaminan (CLG). Perniagaan utama Warees Halal terdiri dari 3 bidang utama, iaitu Audit dan Pemeriksaan Produk dan Pensijilan, Pensijilan Antarabangsa & Khidmat Nasihat, dan Program Latihan Korporat bagi Kecekapan Keupayaan Industri Halal.

Kami merupakan satu-satunya syarikat yang diiktiraf dengan kecekapan dalam sistem Tanda Mutu Halal Singapura (HalMQ), Pensijilan Halal Antarabangsa Singapura dan Program Asas Halal.

## VISI, MISI

### **Visi**

Kami mahu memelihara warisan dan ekuiti, yang ditentukan oleh visi kami: ***Aset yang Dipertahankan, Memupuk Generasi Masa Depan***

#### *Aset yang Dipertahankan*

Kami mengamalkan kepakaran dan keupayaan strategik untuk membangun dan mengurus aset menerusi pelaburan yang bersifat bertanggungjawab, dan membuka kunci nilai untuk meraih pulangan yang adil.

#### *Memupuk Generasi*

Kami bekerja rapat dengan pemegang taruh kami, menetapkan pelaburan yang jelas dan membentuk inisiatif dengan mengembangkan potensi warisan kita.

### **Misi**

Kami melentur golongan karyawan dan mengurus sumber aset strategik secara produktif. Ini mampu mempertingkatkan kehidupan para penerima hasil pulangan wakaf dan memelihara warisan bagi generasi akan datang.

## NILAI & JANJI KAMI

### **Nilai**

Di Warees, kami hidupkan nilai-nilai kami. Ia meresap dalam setiap interaksi bersama pasukan kami, pemegang taruh kami dan para penerima bantuan.

### **Mesra**

Kami bersungguh-sungguh dan mesra apabila menyampaikan pengalaman kami dengan orang ramai dan pertubuhan lain.

### **Kebertanggungjawaban**

Kami membuat keputusan perniagaan dengan berhati-hati, memastikan ia dapat membuah hasil menerusi tanggungjawab bersama dan membantu pemegang taruh melaburkan kepercayaan mereka bersama kami.

### **Kebolehpercayaan**

Kami buktikan kebolehpercayaan dengan melunaskan janji semasa berkhidmat untuk semua genap lapisan masyarakat dengan kewibawaan dan rasa hormat.

### **Berdaya Usaha**

Kami sentiasa mencari huraian baru dan mendekati cabaran dengan inisiatif dan keupayaan untuk menyesuaikan diri bagi menerajui pembangunan dalam industri bidang ini, lantas menguji kebolehan diri kami untuk mencipta hasil yang dapat dikekalkan dan menambah nilai kepada penerima bantuan dan pemegang taruh kami.

### **Kecemerlangan**

Kami menjalankan tugas tanpa rasa penat dan berusaha untuk menyampaikan hasil terbaik yang mampu memberi manfaat kepada pelanggan kami dan masyarakat termasuk generasi akan datang.

### **Tanggungjawab Sosial**

Kami amat sedar tentang tanggungjawab kami terhadap masyarakat dan kehidupan yang kami sentuh dalam mempertingkatkan hartanah endowmen atau wakaf. Lebih dari sekadar apa yang kami lakukan, tanggungjawab sosial merupakan nadi tugas kami.

Di Warees, tanggungjawab sosial merupakan kepentingan utama kita.

Di Warees, kami menggunakan sumber secara berkesan untuk mencipta manfaat yang dapat dikekalkan.

Di Warees, kami mempertingkatkan daya penghasilan dan menambah nilai pada aset.

Di Warees, kami didorong dengan pemburuan mutu dan khidmat yang tiada hentinya.

Di Warees, pembaharuan melahirkan kecemerlangan.

Dan di Warees, semua ini menghasilkan satu perbezaan kepada mereka yang penting bagi kita.

Inilah kelebihan Warees.

## MASYARAKAT & RANGKA KERJA PENGEKALAN WAREES

### Masyarakat


Warees amat mempercayai semangat dermawan korporat dan menyokong misi sosial untuk masyarakat dan sejauh ini, Warees Group, telah mengagihkan lebih \$4.3 juta kepada lebih 60 penerima termasuk masjid, madrasah dan pertubuhan Melayu/Islam (MMO) di Singapura.

### Penerima Utama Kami

Amanah Wakaf  
 Masjid di Singapura  
 Madrasah di Singapura  
 Yayasan Rahmatan Lil 'Alamin  
 Yayasan MENDAKI  
 Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM)  
 Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM)  
 Institusi Bertaraf Awam (IPC)

### Rangka Kerja Pengkalan Warees

Bagi menyatukan dan membimbing inisiatif pengkalan kami dalam syarikat, kami melaksanakan satu rangka kerja strategik bagi membangunkan produk dan proses yang mengurangkan kesan pada sekitaran, dan memastikan operasi dan penyampaian kami memenuhi piawai dalam lima bidang, iaitu: pemuliharaan budaya, pemeliharaan warisan, perlindungan sekitaran, pelaburan berkesan dan tertumpu pada masyarakat.



## ASET

Aset yang diurus Warees disenaraikan ke dalam dua kategori – Aset Endowmen dan Aset Institusi. Dari 132 hartanah/aset dengan nilai melebihi setengah bilion dolar, Warees mengurus 63 hartanah di serata Singapura bagi pihak Muis. Bakinya diurus mutawalli atau pengamanah yang dilantik.

Diurus Muis

**63**

Diurus Mutawalli\*\*

**69**



Jumlah hartanah secara keseluruhan

**132**

**Penilaian**  
**S\$584 juta\***

\* Angka tepat pada Dis 2013.

\*\* Di bawah Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam atau Amla, "mutawalli" bermakna seseorang yang dilantik untuk mengurus sesebuah wakaf atau masjid dan ia termasuk seorang pengamanah.